

30 MAR 2001

Mahathir-Tenom (Laporan Khas)

PERDANA MENTERI SAKSI SEMANGAT "MALAYSIA BOLEH" STAIL TENOM

Oleh: Jackson Sawatan

TENOM, 30 Mac (Bernama) -- Seorang budak Murut, peluh mengalir dari dahi ke kolarnya, cuba melindungi matanya daripada panas terik matahari supaya dapat lihat dengan lebih jelas akan apa yang sedang berlaku di langit.

Seperti kebanyakan orang yang berkumpul di padang bandaran dan siar-siar jalan di bandar itu, perhatiannya tertumpu ke langit kerana pasukan payun terjun sembilan orang melompat keluar daripada pesawat Nomad pada ketinggian 1,700 meter.

Dan seperti yang lain juga, budak itu bertepuk tangan, tersenyum lebar dan bersorak apabila jurucara majlis umumkan yang kesemua sembilan anggota pasukan payun terjun itu adalah anak kelahiran Tenom.

Hari Sabtu itu merupakan detik yang dibanggakan oleh penduduk Tenom kerana mereka dengan penuh istiadat menyambut tetamu paling penting -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang menghabiskan sebahagian besar lawatan dua hari ke Sabah di Tenom, hujung minggu lepas.

Di grandstan tidak sampai 30 meter daripada tempat budak itu berdiri, Perdana Menteri sendiri kelihatan bertepuk tangan semasa hero Murut, Michael Keon, 26 membuat pendaratan cantik disaksikan oleh beribu-ribu orang.

Acara payung terjun itu diadakan khas untuk menyambut Dr Mahathir di sesi bersama rakyat di sini.

Dr Mahathir kemudian berkata dalam ucapannya: "Saya kagum kerana anak Tenom juga ada turut sama melakukan terjunan...saya yakin pada satu hari nanti, pertunjukan seperti itu akan dapat diadakan dengan semua peserta terdiri daripada anak Tenom."

Kata-kata itu menerima sorakan gemuruh dengan Dr Mahathir terus memuji penduduk Tenom kerana tradisi budaya yang kaya dan pelbagai pencapaian pada mereka walaupun daerah itu terpencil.

Dr Mahathir juga memuji persembahan koir oleh sekumpulan kanak-kanak Tenom yang bakat mereka menerima perhatian di pelbagai majlis keraian di seluruh negeri dan juga membolehkan mereka mengadakan persembahan di Institut Teknologi Bandung, Indonesia pada Disember lepas.

"Saya juga kagum dengan persembahan koir yang terdiri daripada kanak-kanak yang telah menyampaikan lagu dengan begitu menarik sekali," kata Dr Mahathir kepada para hadirin yang jelas gembira.

Menurut pengerusi jawatankuasa penganjur lawatan Perdana Menteri ke daerah itu, Datuk Rubin Balang yang juga anggota Dewan Undangan Negeri Kemabong, ada yang berjalan berhari-hari meredah hutan dan bukit untuk sampai di bandar itu bagi menyambut ketibaan Perdana Menteri.

Majlis itu dihadiri oleh kira-kira 20,000 orang dan kenderaan awam dilarang memasuki bandar kecil itu seawal 10 pagi kerana pada masa itu pun seluruh bandar itu sudah penuh sesak dengan orang.

"Dalam hidup saya, saya tidak pernah melihat begitu ramai orang datang ke Tenom seperti hari ini. Dalam satu cara, ini sejarah bagi kami," kata seorang pengusaha kedai kopi semasa beliau sendiri sibuk melayan pelanggan di kedainya yang penuh sesak.

Dalam ucapannya Dr Mahathir memberitahu rakyat yang kerajaan akan berbuat sedaya yang boleh untuk membawa pembangunan ke kawasan pedalaman seperti di Tenom supaya mereka juga boleh menikmati hasil kemajuan negara.

Tenom yang terletak lebih kurang 190 km dari ibu negeri merupakan

kawasan masyarakat Murut dan terkenal kerana jenama terkemuka `Kopi Tenom' dari daerah itu -- biji kopi yang ditanam dan diproses di situ dan dianggap sebagai yang terbaik oleh peminat minuman itu.

Di akhir ucapan, Dr Mahathir sekali lagi menyatakan terima kasih kepada penduduk Tenom atas perpaduan dan keharmonian kaum walaupun terdapat pelbagai kumpulan etnik di daerah itu.

"Penduduk Tenom begitu memberi semangat kepada saya dan rakan-rakan untuk bekerja lebih bersungguh-sungguh lagi untuk membawa kebaikan kepada rakyat dan negara," kata Perdana Menteri.

Perdana Menteri yang kagum dengan apa yang beliau lihat di hari pertama di Tenom, juga kagum dengan apa yang disaksikannya pada hari berikut semasa merasmikan Taman Pertanian Sabah di Lagud Seberang, 15 km dari sini.

Taman seluas 200-hektar itu dibahagikan ke dua kawasan -- satu kawasan seluas 56-hektar yang terdiri daripada tasik rekreasi, lanskap, muzium tumbuhan, taman haiwan dan pusat ternakan lebah.

Yang lain ialah plot-plot pameran seluas 144-ha, tapak pertanian percubaan dan kemudahan lain yang direkabentuk untuk menjadikan taman itu pusat penyelidikan dan pembangunan pertanian dan juga pusat eko pelancongan utama negeri.

Selepas Dr Mahathir kembali ke ibu negeri dengan helikopter, untuk majlis pecah tanah bagi kompleks baru kerajaan persekutuan beliau menceritakan pengalaman mengagumkan semasa melawat daerah itu.

Dalam persidangan berita sebelum pulang ke Kuala Lumpur, Dr Mahathir menyatakan minatnya dengan taman itu.

Beliau berkata tempat-tempat yang menarik seperti Taman Pertanian Sabah perlu diberi liputan yang mencukupi, supaya pelancong mengetahui akan kewujudannya.

"Ia antara yang paling cantik yang saya pernah lihat...," kata Dr Mahathir.

Itulah Tenom dan sikap ramah mesra masyarakat Murut -- tempat yang anda boleh melihat tradisi budaya lama berpadu dengan nilai-nilai yang dibawa oleh permodenan.

-- BERNAMA

JS PR